

SYARAT PENCALONAN ANUGERAH BUKU KARYA ASLI 2023

- (a) **Staf:** Calon hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kontrak/tetap dan warganegara Malaysia yang masih/pernah berkhidmat dalam tahun penganugerahan (2023).
- (b) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Hanya karya asli (ilmiah) yang melalui proses penerbitan secara formal dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terbitan Penerbit UTM Press atau **penerbit luar*** yang diterbitkan dalam tahun 2023, yang mempunyai ISBN dan Data Pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- (c) **Karya yang Tidak Layak Dicalonkan:** Karya yang diklasifikasikan sebagai Buku Penyelidikan, Buku Teks, Karya Kreatif, Cetakan Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, Karya Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), Karya Terjemahan, Buku Khas.
- (d) **Karya Penerbitan Sendiri :** Karya ini tidak layak dicalonkan.
- (e) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, penulis mestilah **tidak melebihi tiga (3) orang**.
- (f) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan jumlah naskhah berikut bagi setiap pencalonan judul (tidak akan dikembalikan):

Buku terbitan penerbit luar – **TUJUH (7)** naskhah asal **ATAU SATU (1)** naskhah asal (minimum) dan **ENAM(6)** naskhah dalam bentuk salinan (fotokopi dan berjilid).

- (g) **Perakuan:** Buku terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Bagi buku terbitan luar, Borang Pencalonan Anugerah Buku Karya Asli 2023 hendaklah diisi dengan lengkap (disertakan).

(h) **Kriteria Pemarkahan**

Pakar Bidang : 60 Markah
Ahli Panel : 40 Markah

- i) Markah yang layak untuk dicalonkan sebagai pemenang Hadiah Utama: 85% dan ke atas.
ii) Markah yang layak dicalonkan sebagai penerima Hadiah Penghargaan tidak boleh kurang daripada 75%.
iii) Setiap judul yang bertanding akan dinilai oleh 2 orang ahli panel dan seorang pakar bidang.

- (i) **Pemenang:** Pemenang yang memenuhi syarat akan menerima hadiah dan sijil seperti berikut:

Kategori Sains & Teknologi (ST)
* 1 Hadiah Utama bernilai RM1,500 dan sijil.
* 3 Hadiah Penghargaan berbentuk sijil.

Kategori Sains Sosial (SS)
* 1 Hadiah Utama bernilai RM1,500 dan sijil.
* 3 Hadiah Penghargaan berbentuk sijil.

- (j) **Tarikh Tutup Pencalonan:** Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada urus setia selewat-lewatnya pada **28 April 2024 (Ahad)** sebelum atau pada jam **5:00 petang**.

Nota: ***Penerbit luar** ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA) / menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association – IKATAN) / Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: **melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial**.